



23 FEB, 2021

Kita sentiasa alert isu nanas

Utusan Malaysia, Malaysia

Kita sentiasa *alert* isu nanas

<p>APA pembaharuan yang Datuk laksanakan sepanjang menjadi Pengerusi LPNM?</p> <p>Saya masih baharu di LPNM bermula Jun 2020, kita fokus untuk meningkatkan pendapatan penanam nanas di samping ingin mengukuhkan tanaman nanas MD2 kerana ia varieti premium yang kita cukup yakin akan menambah pendapatan mereka.</p> <p>Nilai jualan dan permintaan varieti itu tinggi serta pemasaran yang</p>	<p>lebih mudah, contohnya sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama lalu nanas MD2 tetap menjadi pilihan masyarakat sehingga ke hari ini dan tidak cukup di pasaran.</p> <p>Pasaran nanas dikatakan amat perlahan ketika ini?</p> <p>Saya akui baru-baru ini tular isu lambakan nanas Moris, varieti ini memang banyak digunakan untuk segmentasi masakan yang digunakan dalam majlis-majlis. Apabila PKP</p>	<p>kali kedua, majlis tidak dibenarkan menyebabkan hasil tuaian berlebihan di sebalik permintaan berkurangan.</p> <p>Alhamdulillah, LPNM mengambil langkah proaktif dengan membantu pekebun nanas jenis ini di beberapa daerah yang berdepan masalah pasaran dengan memasar dan melakukan pepadanan bersama kilang pengetinan. LPNM berharap tindakan yang telah dilakukan ini sedikit sebanyak memberi kelegaan</p>	<p>kepada pekebun yang terlibat.</p> <p>Saya turut merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) kerana telah membantu pekebun nanas jenis Moris yang terjejas dalam memasarkan buah tersebut.</p> <p>Harapan Datuk kepada warga kerja LPNM?</p> <p>Penting untuk penanam-penanam nanas mendaftar</p>	<p>bersama LPNM, jadi kita boleh <i>alert</i> (berwaspada) dan tahu masalah mereka. Hubungan baik antara penanam dan warga kerja LPNM ini akan membuatkan lebih mudah untuk kita tangani apa-apa isu.</p> <p>Jadi, harapan saya warga LPNM sentiasa turun ke kawasan supaya isu yang wujud pada peringkat awal berada dalam pengetahuan mereka. Insya-Allah dengan cara ini, tak akan jadi isu besar seperti berlakunya lambakan nanas Moris.</p>
--	--	--	---	---



23 FEB, 2021

Kita sentiasa alert isu nanas

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

APA pembaharuan yang Datuk laksanakan sepanjang menjadi Pengerusi LPNM? Saya masih baharu di LPNM bermula Jun 2020, kita fokus untuk meningkatkan pendapatan penanam nanas di samping ingin mengukuhkan tanaman nanas MD2 kerana ia varieti premium yang kita cukup yakin akan menambah pendapatan mereka.